

Sunnah Al-Nubuwwah: Hikmah Dan Kepentingan Pengutusan Kenabian

Muaz Hj Mohd Noor
Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS)
University Technology MARA (UiTM)
muazuitm86@gmail.com

S. Salahudin Hj Suyurno
Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS)
University Technology MARA (UiTM)
ssalahud@uitm.edu.my

Khairul Azhar Meerangani (Dr),
Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS),
University Technology MARA (UiTM), Alor Gajah, Melaka
azharmeerangani@uitm.edu.my

Abdul Qayuum Abdul Razak,
Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS),
University Technology MARA (UiTM), Kampus Jasin
qayyum@uitm.edu.my

Abstrak

Persoalan kenabian (an-nubuwwah) merupakan konsep yang terpenting selepas persoalan-persoalan berkaitan Ketuhanan (al-Ilāhiyyah) dalam siri keilmuan Islam. Setiap seorang mukallaf diwajibkan beriman kepada para nabi dan rasul, kerana keimanan kepada mereka termasuk di dalam salah satu rukun iman yang wajib dipercayai. Kajian berbentuk konseptual ini bertujuan mengetengah dan memperkasakan kembali pemikiran berkenaan sunnah kenabian melalui penulisan berkenaan tema kenabian dalam kupasan yang lebih segar dan dinamik. Metodologi kajian ini berbentuk kajian kepustakaan. Antara metode pengumpulan data yang digunakan penulis ialah Metode Dokumentasi dan Metode Temuramah. Data-data yang diperolehi akan dianalisis rapi dan tersusun untuk ditafsir dan ditentukan kesahihan bagi dimuatkan dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa idea tentang wibawa kenabian para nabi dan rasul terutama Nabi Muhammad SAW tidak pernah pudar ditelan dek zaman.

Kata Kunci: Kenabian, Hikmah, Kepentingan, Sunnah

Pendahuluan

Keimanan kepada nabi dan rasul mestilah dilakukan tanpa mengadakan sebarang perbezaan terhadap mereka. Dalam al-Quran, surah al-Nisa' ayat ke-136 menceritakan tentang kewajipan beriman dengan semua nabi-nabi dan rasul-rasul yang telah dipilih oleh Allah. Kepercayaan kewujudan dan kesempurnaan mereka wajib dihayati oleh seluruh umat Islam sebagaimana dipercayai nabi Muhammad SAW. Kita dilarang sama sekali mengambil sikap memilih (untuk mengimani) nabi dan rasul-rasul yang tertentu sebagaimana yang dilakukan oleh golongan ahli kitab dan mereka mereka yang memusuhi agama Islam.

Kita lihat contoh bagaimana kaum agama Yahudi dan Nasrani (Kristian), terutama dikalangan ahli-kitabnya, yang cuba menimbulkan keraguan kepada umat manusia apabila cuba membeza-bezakan seorang nabi dengan seorang nabi yang lain. Mereka beriman pada sebahagian nabi, dalam masa yang sama menafikan sebahagian yang lain. Mereka mencipta helah dan pelbagai teori untuk membenarkan hujah dan sangkaan retorik mereka, sebagaimana kaum Nabi Nuh a.s, Kaum 'Aad, kaum Thamud dan kaum Lut yang sentiasa mendustakan utusan Allah s.w.t.

Di dalam kitab *Usūl al-Dīn*, Syeikh al-Baghdādi (1980) menyatakan bahawa golongan Yahudi hanya beriman dengan sembilan belas (19) orang nabi sahaja selepas nabi Musa a.s (serta nabi-nabi yang terdahulu darinya). Dalam masa yang sama, mereka mengingkari keimanan kepada nabi Isa a.s dan Nabi Muhammad s.a.w. Sementara menurut Syeikh al-Tabarsi (1379H) di dalam kitabnya, *Majma' al-Bayan*, golongan Kristian atau Nasrani beriman kepada Nabi Isa a.s dan nabi-nabi yang lain kecuali nabi Muhammad s.a.w.

Perkara ini telah ditekankan oleh Allah s.w.t, seraya memberi amaran yang keras kepada golongan ini (golongan yang beriman kepada sebahagian nabi, dan kufur terhadap sebahagian yang lain) dengan firman-Nya yang bermaksud:

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar kepada Allah s.w.t dan Rasul-rasul-Nya, dan (orang-orang yang) hendak membeza-bezakan iman mereka di antara Allah s.w.t dan Rasul-rasul-Nya, dan (orang-orang yang) berkata: "Kami beriman kepada setengah Rasul-rasul itu dan kufur ingkar kepada setengahnya yang lain", serta bertujuan hendak mengambil jalan lain antara iman dan kufur itu. Mereka itulah orang-orang yang kafir dengan sebenar-benarnya. dan Kami telah menyediakan bagi orang-orang kafir itu azab seksa yang menghina (Al-Nisa' 4: 150-151)

Dalam ayat di atas Allah s.w.t menyatakan secara jelas, tidak akan sempurna iman seseorang kepada-Nya, melainkan dengan turut beriman kepada nabi dan rasul-Nya. Tidak sempurna iman mereka sehingga mereka mengimani seluruh nabi-nabi dan rasul-rasul yang diutuskan tanpa pengecualian dan keraguan. Kekufuran terhadap mana-mana utusan Allah s.w.t ini bermakna mereka telah mengkufuri nabi seluruhnya, malah keimanan mereka kepada Allah s.w.t tidak bermakna, dan menjadi keimanan yang sia-sia.

Maka, jelaslah dalam mukadimah awal ini, keimanan kepada nabi dan rasul adalah salah satu dari rukun iman selepas keimanan kepada Allah s.w.t, kitab-kitab, malaikat, hari akhirat serta Qadar dan Qadar. Setiap orang Islam wajib beriman dan mempercayai semua nabi tanpa membeza-bezakannya. Firman Allah s.w.t dalam surah *al-Baqarah* yang bermaksud:

Maksudnya: Katakanlah (Wahai orang-orang yang beriman): "Kami beriman kepada Allah s.w.t, dan kepada apa yang diturunkan kepada Kami (Al-Quran), dan kepada apa yang diturunkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail dan Nabi Ishak dan Nabi Yaakub serta anak-anaknya, dan juga kepada apa yang diberikan kepada Nabi Musa (Taurat) dan Nabi Isa (Injil), dan kepada apa yang diberikan kepada Nabi-nabi dari Tuhan mereka; Kami tidak membeza-bezakan antara seseorang dari mereka (sebagaimana yang kamu - Yahudi dan Nasrani - membeza-bezakannya); dan Kami semua adalah Islam (berserah diri, tunduk taat) kepada Allah s.w.t semata-mata (Al-Baqarah 2: 136).

Takrif Kenabian

Perkataan *al-Nabi-u* dalam bahasa arab adalah ambilan daripada kata kerja '*Naba*' yang bererti 'berita atau perkhawaran'. Disamping itu, ia juga membawa beberapa maksud yang lain, antaranya:

- i. Satu kawasan tanah tinggi.
- ii. Satu tanda alam yang dijadikan panduan (Jamal al-Din Muhammad Ibn Mukram, 1968).

Secara umumnya, perkataan *naba'a* atau *nabba'a* mempunyai hubungan yang rapat dengan perkataan nabi. Perkataan *nabba'a* di dalam al-Quran disebut sebanyak empat puluh enam (46) kali. Sementara perkataan *naba'* (dalam bentuk mufrad) atau *anba'* (dalam bentuk jamak) pula disebutkan sebanyak dua puluh sembilan (29) kali, dimana dalam bentuk jamak pertama (*nabiyyun* atau *nabiyyin*) di sebut sebanyak enam belas (16) kali, dan bentuk jamak kedua (*anbiya'*) disebut sebanyak lima (5) kali di dalam al-Quran (Wan Zailan Kamaruddin Bin Wan Ali, 1990). Semua kalimat-kalima ini ternyata mempunyai hikmah dan peranannya yang tersendiri, dan ulama terdahulu sudah pun membahaskan dalam kitab-kitab karangan mereka.

Menurut Wan Zailan Kamaruddin Bin Wan Ali (1990), jumur mazhab al-Asha'irah pula sepakat menyatakan bahawa perkataan *al-nubuwwah* yang kita bincangkan di sini adalah merupakan asas kepada perkataan *nabi*, berdasarkan kemuliaan kedudukan mereka berbanding makhluk-makhluk yang lain. Ini bermakna, hakikat makna nabi itu dapat dikelaskan kepada dua bahagian. Yang pertama *nabi* ialah seseorang yang menyampaikan khabar berita kepada manusia, melalui penonjolan akhlak yang baik dan sebagainya. Kedua, *nabi* itu sendiri adalah merujuk kepada seseorang yang mempunyai kedudukan dan darjat yang paling tinggi dan mulia di sisi Tuhannya (Wan Zailan Kamaruddin Bin Wan Ali, 1990)

Kenabian Di Dalam Al-Quran Dan Hadis

Konsep kenabian atau *nubuwwah* mendapat perhatian yang begitu besar di dalam al-Quran kerana ia merupakan salah satu dari prinsip-prinsip agama yang asas selain daripada persoalan *al-Tawhid* dan *al-Ma'ad*. Al-Quran telah menunjukkan bahawa ia merupakan adalah kalam Allah s.w.t, dan menerusinya nabi Muhammad s.a.w dan nabi-nabi yang lain diperkenal dan diperkanankan sebagai utusan Allah s.w.t yang agung. Allah s.w.t telah menjelaskan hakikat ini menerusi firman-Nya yang berbunyi:

﴿إِنَّا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ كَمَا أَوْحَيْنَا إِلَى نُوحٍ وَالنَّبِيِّينَ مِنْ بَعْدِهِ وَأَوْحَيْنَا إِلَى إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطِ وَعِيسَى وَأَيُّوبَ وَيُونُسَ وَهَارُونَ وَسُلَيْمَانَ وَعَائِينَ دَاوُدَ زَبُورًا ﴿١٣٢﴾ وَرُسُلًا قَدْ قَصَصْنَاهُمْ عَلَيْكَ مِنْ قَبْلُ وَرُسُلًا لَمْ نَقُصِّصْهُمْ عَلَيْكَ وَكَلَّمَ اللَّهُ مُوسَى تَكْلِيمًا ﴿١٦٤﴾﴾

Maksudnya: "Sungguhny Kami telah memberikan wahyu kepadamu (Wahai Muhammad s.a.w), sebagaimana Kami telah memberikan wahyu kepada Nabi Nuh, dan Nabi-nabi Yang diutus kemudian daripadanya; dan Kami juga telah memberikan wahyu kepada Nabi Ibrahim, dan Nabi Ismail, dan Nabi Ishak, dan Nabi Yaakub, serta Nabi-nabi keturunannya, dan Nabi Isa, dan Nabi

Ayub, dan Nabi Yunus, dan Nabi Harun, dan Nabi Sulaiman; dan juga Kami telah memberikan kepada Nabi Daud: Kitab Zabur. Dan (Kami telah mengutuskan) beberapa orang Rasul Yang telah Kami ceritakan kepadamu dahulu sebelum ini, dan Rasul-rasul Yang tidak Kami ceritakan hal mereka kepadamu. dan Allah s.w.t telah berkata-kata kepada Nabi Musa Dengan kata-kata (secara langsung, tidak ada perantaraan)". (Al-Nisa' 4: 163-164)

Berdasarkan *mafhum* firman Allah s.w.t di atas ini, jelaslah kepada kita bahawa al-Quran adalah sumber bagi menerang dan menjelaskan kepada kita hakikat kejadian dan perutusan nabi-nabi Allah s.w.t, yang bukan sahaja menceritakan tentang nabi Muhammad s.a.w (sebagai 'pemilik' al-Quran), malah nabi-nabi terdahulu bersama kitab-kitab mereka. Allah s.w.t seterusnya mengamanahkan kepada kita untuk mengimani utusan-utusan tersebut sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam surah *al-Hasyr* yang berbunyi:

Maksudnya: "Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. dan bertaqwalah kamu kepada Allah s.w.t; sesungguhnya Allah s.w.t amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya)". (Al-Hasyr 59: 7)

Allah s.w.t kemudiannya berfirman pula di dalam surah yang lain, yang berbunyi:

Maksudnya: "Katakanlah (Wahai Muhammad s.a.w): "Taatlah kamu kepada Allah s.w.t dan Rasul-Nya. oleh itu, jika kamu berpaling (menderhaka), maka Sesungguhnya Allah s.w.t tidak suka kepada orang-orang Yang kafir." (Al-Imran 3: 32)

Kedua-dua ayat di atas adalah saling lengkap-melengkapi di antara satu sama yang lain. Tugas Rasulullah s.a.w adalah untuk menyampaikan perintah dan larangan-Nya, manakala tugas pengikutnya pula adalah untuk mentaati segala perintah dan larangan yang dibawa oleh nabi dan utusan Allah s.w.t. Perihal ini diakui sendiri oleh Rasulullah s.a.w melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Umar al-Khatib, yang bermaksud, "*Iman itu ialah beriman kepada Allah s.w.t, Malaikat, rasul-rasul, hari Akhirat, serta beriman dengan Qada' dan Qadar*" (Abu al-Husayn al-Ghuyairi, tt).

Hujjat al-Islam al-Imam al-Ghazali (1987) dalam menerangkan maksud hadis ini menyatakan dengan jelas bahawa syahadah seseorang Islam itu tidak akan sempurna tanpa mengakui kerasulan nabi Muhammad s.a.w (termasuk nabi-nabi yang lain). Sementara al-Qadi 'Iyad (1988) menyatakan keimanan kepada nabi adalah '*Fardhu Ain*', yang mana ke-Islaman seseorang itu hanya akan diterima (oleh Allah s.w.t) apabila mereka mengakui, mempercayai dan mengimani kerasulan nabi Muhammad s.a.w (dan nabi-nabi utusan Allah s.w.t yang lain).

Kenabian Menurut Ulama Dan Cendekiawan

Mengenai takrif dan perbezaan antara nabi dan rasul, walaupun wujud perbezaan di kalangan ulama dan sarjana Islam tentang takrif dan pengertian keduanya, namun *jumhur* mereka berpendapat bahawa Nabi adalah manusia yang menerima wahyu daripada Allah s.w.t samada diperintahkan untuk menyampaikan (ajaran-Nya) atau tidak. Sekiranya diperintahkan untuk menyampaikan kepada manusia lainnya, maka dia adalah seorang rasul. Ini kerana perkataan 'Rasul' sendiri adalah bermaksud seseorang yang diutuskan.

Al-Imam al-Bajuri, Ibrahim bin Muhammad (t.t), seorang ulama besar abad ke-20 di dalam kitabnya *Tuhfah al-Murīd*, ada menerangkan tentang takrif dan perbezaan antara istilah nabi serta rasul, di mana menurut beliau,

“Nabi adalah manusia lelaki, merdeka, selamat daripada sifat-sifat kekurangan yang boleh menjauhkan daripada orang lain, diwahyukan syariat kepadanya untuk diamalkan dan tidak diperintahkan menyampaikan kepada orang lain. Rasul sama dengan nabi tetapi rasul diperintahkan untuk menyampaikan (*tabligh*) kepada umat manusia. Semua rasul adalah nabi tetapi tidak semua nabi itu rasul”.

Menyokong pernyataan ini, Syeikh Muhammad Ali al-Sabuni (1984) melanjutkan perbincangan ini dengan menyatakan bahawa nabi ialah manusia yang menerima wahyu daripada Allah s.w.t dan tidak disuruh menyampaikannya, sedangkan rasul pula ialah manusia yang menerima wahyu atau syariat, dan diperintahkan untuk menyampaikan kepada manusia. Muhammad ‘Ali al-Sabuni seterusnya menegaskan bahawa kedudukan rasul adalah lebih tinggi martabatnya daripada nabi kerana semua rasul adalah nabi tetapi tidak semua nabi adalah rasul.

Bilangan Nabi Dan Rasul

Mengenai bilangan nabi dan rasul, Rasulullah s.a.w ada menyebut mengenainya dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dzar yang bermaksud:

“Daripada Abu Dzar aku berkata: Wahai Rasulullah s.a.w! Berapakah bilangan rasul-rasul yang diutus? Jawab Rasulullah s.a.w: Tiga ratus tiga belas orang (313) orang. Sementara menurut riwayat daripada Abu ‘Amamah, berkata Abu Dzar: Wahai Rasulullah s.a.w! Berapakah bilangan nabi-nabi? Rasulullah s.a.w menjawab: seratus dua puluh empat ribu (124,000) orang, rasul pula ialah seramai tiga ratus tiga belas orang daripada mereka” (Umar Sulaiman al-Asyqar, 1985).

Daripada jumlah nabi dan rasul di atas, hanya 25 orang sahaja dari kalangan mereka (nabi dan rasul) yang disemadikan namanya di dalam al-Quran. Mereka ialah nabi ‘Adam, Idris, Nuh, Hud, Saleh, Ibrahim Lut, Isma’il, Ishaq, Ya’kub, Yusuf, Ayyub, Syu’ib, Dzulkifli, Musa, Harun, Sulaiman, Daud, Ilyas, Ilyasa’, Dzakaria, Yahya, ‘Isa dan Nabi Muhamad s.a.w. Agama yang dibawa oleh semua nabi-nabi dan rasul-rasul ini adalah satu iaitu Islam. Ini sebagaimana yang pernah ditegaskan oleh baginda Rasulullah s.a.w yang berbunyi:

وَالْأَنْبِيَاءُ إِخْوَةٌ لِعَلَّاتٍ، أُمَّهَاتُهُمْ شَتَّى وَدِينُهُمْ وَاحِدٌ

Maksudnya: “Para nabi itu adalah saudara seayah walau ibu mereka berlainan, dan agama mereka adalah satu.” (Hadith Riwayat al-Bukhari, no. 3443).

Pun begitu, walaupun bilangan nabi dikatakan lebih ramai daripada rasul, penelitian tentang penggunaan kedua-dua perkataan nabi dan rasul di dalam al-Quran menunjukkan bahawa perkataan rasul lebih banyak ditekankan berbanding dengan perkataan nabi. Dari sudut bilangan, perkataan rasul adalah berjumlah tiga ratus tiga puluh dua (332) kali, iaitu dua ratus tiga puluh enam (236) kali di dalam bentuk *mufrad* dan sembilan puluh enam kali (96) di dalam bentuk jamak. Manakala perkataan nabi sebagaimana diterangkan di awal tadi berjumlah sebanyak tujuh puluh lima (75) kali, iaitu lima puluh empat (54) kali di dalam bentuk *mufrad* dan dua puluh satu (21)

kali di dalam bentuk jamak (Abd al-Baqi, Muhammad Fu'ad, 1364H)(Wan Zailan Kamaruddin Bin Wan Ali, 1990).

Implikasi dari bilangan para nabi dan rasul yang disebutkan di dalam al-Quran menunjukkan bahawa Allah s.w.t lebih menekankan kedudukan dan peranan seorang rasul berbanding nabi. Bukan bermakna taraf nabi itu rendah dan kerdil, namun untuk memperlihatkan rasul adalah individu yang kedudukannya diperlihatkan dalam bentuk yang lebih menonjol terutama sekali Nabi Muhammad s.a.w. Dari perspektif al-Quran, Nabi Muhammad s.a.w bukan sahaja menjadi nabi dan rasul kepada kaumnya yang belum pernah diutuskan seorang rasul, tetapi menjadi rasul kepada seluruh umat manusia, malah untuk sekalian alam.

Allah s.w.t berfirman:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya: “Dan tiadalah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam” (Al-Anbia’, 21: 107)

Kepentingan Pengutusan Nabi

Syeikh Imam Fakhr al-Din al-Rāzi (1935) memberikan beberapa peranan dan manfaat perutusan nabi yang hanya boleh diperhatikan melalui kaca mata agama. Menurut beliau, kebaikan-kebaikan tersebut boleh ditinjau dari 4 aspek yang utama iaitu:

- i. Manusia mempunyai pelbagai kekurangan dan ketidak mampuan untuk memahami sesuatu kerana ketandusan ilmu pengetahuan. Para nabi datang membawa berbagai hujah untuk membetulkan dan memperlengkapkan pengetahuan mereka. Setiap kali mereka menghadapi keraguan nabi akan datang untuk menghapuskannya, seterusnya mengemukakan hujah kepada keraguan tadi.
- ii. Pada ketika manusia mengetahui tentang kewajipan mereka berbakti kepada tuhan, mereka akan berhadapan pula dengan masalah corak perkhidmatan yang sepatutnya ditunjukkan. Dalam hal ini, nabi akan menjelaskannya sehingga mereka dapat memberikan khidmat bakti terhadap Allah s.w.t dengan baik tanpa sebarang kesalahan.
- iii. Manusia dari segi tabiat semulajadi bersifat pemalas, pelupa dan kuat beranganan. Justeru nabi ditugaskan untuk memberikan amaran dan peringatan kepada mereka agar sentiasa berwaspada dan kenal diri.
- iv. Kekuatan akal manusia bergantung kepada para nabi dan rasul kerana melalui merekalah dapat menambah kekuatan kepada akal sehingga boleh menerbitkan gambaran-gambaran ghaib yang terselindung dari pengetahuan manusia sebelum kedatangan para nabi dan rasul (Wan Zailan Kamaruddin Bin Wan Ali, 1990).

Firman Allah s.w.t,

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَاهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا

Maksudnya: “Wahai Nabi, Sesungguhnya Kami mengutusmu sebagai saksi (terhadap umatmu), dan pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) serta pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar)”. (Al-Ahzab 33: 45)

Manakala dalam ayat yang lain, Allah s.w.t telah menyebut dua tugas utama nabi yang diutuskan kepada kaum manusia. Firman Allah s.w.t berbunyi:

كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّينَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِيَحْكُمَ
بَيْنَ النَّاسِ فِي مَا اخْتَلَفُوا فِيهِ وَمَا اخْتَلَفَ فِيهِ إِلَّا الَّذِينَ أُوتُوهُ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمْ الْبَيِّنَاتُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ
فَهَدَى اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا لِمَا اخْتَلَفُوا فِيهِ مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِهِ ۗ وَاللَّهُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

﴿١٣﴾

Maksudnya: “Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu (menurut ugama Allah s.w.t yang satu, tetapi setelah mereka berselisihan), maka Allah s.w.t mengutuskan nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman dengan balasan syurga, dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar dengan balasan azab neraka); dan Allah s.w.t menurunkan bersama nabi-nabi itu Kitab-kitab suci yang (mengandungi keterangan-keterangan yang) benar, untuk menjalankan hukum di antara manusia mengenai apa yang mereka perselisihkan”. (Al-Baqarah 2: 213)

Secara umumnya, peranan nabi dan rasul adalah sebagai pembawa ancaman (*nadhir-mundhir*) dan pembawa berita gembira (*basyir-mubāshir*). Perutusan nabi ke atas muka bumi bukanlah sebuah perutusan yang sia-sia dan tidak bermakna. Malah perutusan mereka sangat penting untuk membebaskan manusia dari belenggu kehinaan, kealpaan dan kekafiran. Akal manusia tidak mampu untuk mencari hakikat kebenaran tanpa disokong oleh elemen-elemen ‘wahyu’ dari sang Pencipta. Maka Allah s.w.t menciptakan wakilnya dari kalangan manusia itu sendiri untuk membimbing manusia ke arah jalan yang benar.

Berikut disenaraikan antara beberapa sebab mengapa Allah s.w.t mengutuskan nabi dan rasul kepada umat manusia.

1. Pengutusan Nabi Adalah Sebahagian Perbuatan Allah S.W.T

Kebanyakan tokoh dan ulama *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mengatakan perutusan nabi dan rasul adalah harus (*al-ja'izah*) bagi Allah s.w.t, selain sebagai bukti rahmat dan kebaikan (*lutf*) dari Allah s.w.t kepada hamba-hamba-Nya. Sementara golongan *Mu'tazilah* dan *Syi'ah* berpendapat, Allah s.w.t wajib mengutuskan para nabi dan rasul kerana perutusan mereka merupakan suatu rahmat yang hampir kepada keimanan. Hujah mereka ialah kerana akal manusia wajib disusuli (dibantu) dengan perutusan para rasul dan nabi Allah. Bahkan ahli-ahli falsafah Islam berpendapat Allah s.w.t wajib mengutuskan para rasul kerana mereka adalah orang-orang yang memberi manfaat kepada umum, dan adalah mustahil bagi Allah s.w.t membiarkan hikmah dan *inayah*-

Nya begitu sahaja. (Al-Bajuri, Ibrahim bin Muhammad , t.t)(Wan Zailan Kamaruddin Bin Wan Ali, 1990).

Kesimpulannya, jumhur ulama berpendapat perutusan para nabi dan rasul adalah suatu kemestian (*darurah*) untuk membantu kehidupan manusia agar berjalan dengan baik dan sempurna sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah s.w.t (Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad, 1964). Malah beberapa ulama bersepakat dengannya menyatakan, tidak ada kewajipan sebelum Allah s.w.t mengutuskan rasul dan sebelum seruan nabi sampai kepada manusia. Maka golongan ulama ini merumuskan bahawa perutusan nabi adalah suatu keperluan mendesak (*darūrah*) bagi menyempurnakan penciptaan manusia itu sendiri.

2. Sebagai ‘Hujah’ Allah S.W.T Di Akhirat Kelak

Selain merupakan suatu kemestian dan kewajipan (*darūrah*) Allah s.w.t, perutusan nabi juga dilihat sebagai ‘hujah’ Allah s.w.t pada *yaum al-qiāmah* (hari pengadilan) nanti. Para Ulama telah menggariskan beberapa ‘hujah’ Allah s.w.t mengutuskan para nabi dan rasul kepada hamba-hambanya. Hujah terpenting yang disepakati para ulama ialah supaya dapat menghindarkan diri manusia itu sendiri daripada siksaan Allah s.w.t di akhirat kelak. Dalilnya berdasarkan firman Allah s.w.t di dalam surah *al-Isra’* yang berbunyi:

مَنْ أَهْتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهْتَدِي لِنَفْسِهِ ۗ وَمَنْ ضَلَّ فَإِنَّمَا يَضِلُّ عَلَيْهَا ۗ وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ۗ وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ نَبْعَثَ رَسُولًا ﴿١٥﴾

Maksudnya: “Dan tiadalah Kami mengazabkan sesiapaupun sebelum Kami mengutuskan seorang Rasul (untuk menerangkan yang benar dan yang salah)”. (Al-Isra’ 17: 15)

Ayat ini kemudian disusuli dengan satu lagi ayat di dalam surah *al-Mulk* ayat ke-lapan, yang menjelaskan kepada kita bahawa perutusan nabi adalah hujah kepada Allah s.w.t untuk menjatuhkan hukuman baik atau buruk kepada manusia. Seseorang itu tidak akan diazab dan dihukum sebelum diturunkan nabi atau rasul.

Dalilnya berdasarkan firman Allah s.w.t:

قَالُوا بَلَىٰ قَدْ جَاءَنَا نَذِيرٌ فَكَذَّبْنَا وَقُلْنَا مَا نَزَّلَ اللَّهُ مِن شَيْءٍ إِنْ أَنْتُمْ إِلَّا فِي ضَلَالٍ كَبِيرٍ

Maksudnya: “Sesungguhnya telah datang kepada kami seorang (nabi dan rasul) yang memberi peringatan, namun kami mendustakannya” (Al-Mulk, 67: 8)

Begitu juga di dalam surah *al-Qasas* ayat ke-47 yang menceritakan tentang hakikat perutusan nabi ke atas umat manusia, di mana manusia tidak lagi boleh memberi alasan di akhirat kelak kononnya nabi-nabi (peringatan) tidak sampai kepada mereka.

3. Sebagai Pembantu (Pelengkap) Akal Manusia

Selain itu, hal ini adalah seiring dengan fitrah penciptaan manusia itu sendiri. Akal yang diberikan kepada manusia adalah terhad dan terbatas sifatnya. Maka di sana, Allah s.w.t telah melantik utusan-Nya (juga) dari kalangan manusia, namun mempunyai ciri-ciri yang istimewa, dan yang paling sempurna sifatnya, yang paling terpuji sikapnya. Melalui penurunan nabi dan rasul inilah, maka akhirnya manusia mampu membuat pertimbangan dan keputusan yang selari dengan kehendak *Rabb al-Jalil*.

Perkara ini ada dijelaskan oleh Syeikh al-Mawardi (1901) dalam kitabnya, *A'lām al-Nubuwwah*, bahawa nabi dan rasul merupakan suatu tambahan akal untuk menetapkan kewajiban menurut perintah Allah s.w.t berdasarkan kemampuan pemikiran manusia. Mereka bertindak sebagai hakim yang membuat penentuan dan keputusan kerana manusia tidak dapat mencapai atau memhami sesuatu dengan semata-mata berpandukan kemampuan diri mereka yang terbatas.

Syeikh Ahmad al-Sirhindi (2002) pula menyatakan bahawa manusia boleh mengakui kewujudan Tuhannya, namun tidak mampu mengenal secara mapan dan jelas sifat-sifat Tuhan seterusnya mencapai tahap keimanan yang mutlak kepada-Nya. Maka, disitulah peranan nabi sebagai perantara Allah s.w.t dan makhluknya dalam menjelas dan merungkai hakikat ketuhanan dan kehidupan. Dalam salah sepucuk suratnya, beliau menulis: “*Ringkasnya, daya fikiran manusia tidak mampu mencari jalan mendapatkan khazanah ini tanpa bimbingan nabi, ia tidak akan dapat mengenal Tuhan*” (Syed Abu al-Hassan al-Nadwi, 1990).

Mukjizat Nabi

Mukjizat adalah antara persoalan yang penting yang berkait rapat hubungannya dengan kenabian. Mukjizat tidak dapat dipisahkan daripada rasul kerana tanpanya, kedudukan mereka sebagai utusan Allah s.w.t dipertikaikan oleh manusia. Ia dianggap sebagai perkara *sunnatullah* yang telah ditetapkan-Nya sejak azali lagi. Ia juga merupakan salah satu daripada tiga cara mengenali seorang nabi dan rasul selain pemberitahuan mengenai berita-berita *ghaib* (Wan Zailan Kamaruddin, 2004). Firman Allah s.w.t di dalam surah *al-Hadid*, ayat ke-25 yang bermaksud: “*Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami Dengan membawa bukti-bukti (dan mukjizat) yang jelas nyata.*”

Pengertian Mukjizat

Mukjizat dari segi bahasa adalah berasal daripada kalimah Arab (عجز) yang bererti lemah, tidak berdaya dan tidak berkuasa. Namun, apabila ia disandarkan kepada nabi, ia bermaksud ciri-ciri kehebatan dan keunggulan dalam perutusan atau perkhayaban yang dibawa oleh seseorang utusan yang tidak berdaya ditentang oleh musuh. Sementara dari segi istilah, mukjizat bermaksud suatu perkara luar biasa yang terjadi pada nabi Allah s.w.t, yang manusia lain tidak mampu melakukannya (Safiah binti Abd. Razak, 1998).

Syeikh Muhammad Farid Wajdi di dalam kitabnya, *Dāirah al-Ma'ārif al-Qarn al-Rābi'* ‘*Asyar*, memberikan pengertian mukjizat sebagai perkara luar biasa yang berlaku pada nabi bagi membuktikan kebenaran kenabiannya. Sementara menurut kitab *al-Nubuwwah wa al-Anbiyā'* karangan Syeikh Muhammad ‘Ali al-Sabuni (1984), beliau mentakrifkan mukjizat sebagai satu perkara luar biasa yang luar dari adat (kebiasaan), mengiringi (membenarkan) kenabian untuk

membuktikan risalah yang dibawanya, serta merupakan perkara yang tidak dapat ditandingi oleh sesiapaapun.

Jika di lihat di dalam lembaran al-Quran pula, perkataan mukjizat tidak terdapat di dalam al-Quran bagi menggambarkan perkara luar biasa yang terjadi kepada nabi-nabi. Namun pecahan-pecahannya seperti perkataan *mu'jizi*, *mu'jizin* dan lain-lain boleh didapati di dalam al-Quran bagi menunjukkan maksud yang sama. Begitu juga Allah s.w.t menggunakan perakataan *āyah* atau *ayat*, sehingga 34 kali di dalam surah-surah tertentu bagi menggambarkan maksud dan tujuan tadi (Wan Zailan Kamaruddin, 2004). Ini jelas menunjukkan kebenaran dan kepentingan mukjizat nabi-nabi Allah untuk diterima dan difahami dengan jelas oleh sekalian hamba-Nya.

Pembahagian Mukjizat Nabi

Mengenai pembahagian mukjizat, secara umumnya mukjizat bolehlah dibahagi kepada dua bentuk, iaitu yang pertama mukjizat 'perkataan', dan yang kedua mukjizat 'kejadian' atau 'perbuatan'. Contoh mukjizat perkataan ialah seperti penurun *kalamullah* (al-Quran) kepada baginda Muhammad s.a.w yang kekal sehingga ke hari ini. Sementara mukjizat kejadian yang berlaku pada nabi-nabi adalah dalam bentuk pertolongan, bantuan dan ketenangan bagi hati orang-orang mukmin. Sebahagiannya berlaku untuk membawa manfaat kepada orang-orang mukmin, atau menolak bahaya daripada mereka. Namun, mukjizat berbentuk ini (kejadian) bukanlah asas dalam mensabitkan kerasulan dan kenabian, kerana itu nabi-nabi tidak menyebutnya dalam cabarannya kepada para penentangannya.

Secara umumnya, mukjizat nabi ini dapat dibahagikan sepertimana berikut:

- i. *Mu'jizah Kawniyah*: Iaitu mukjizat yang merupakan keajaiban seperti terpancarnya air mata dari celah-celah batu yang dipukul oleh Nabi Musa a.s dengan tongkatnya ketika kaumnya kehausan; awan yang memayungi Bani Israil di daerah al-Taih; dan terbelahnya air laut yang dilalui Nabi Musa a.s untuk melarikan diri dari kerajaan Firaun, yang kemudiannya tertutup semula ari laut itu selepas baginda menyeberangnya.
- ii. *Akhbarun Haibiyah* (khabar gembira): Iaitu mukjizat Nabi berupa pengetahuan tentang perkara-perkara yang belum pernah dilihat, seperti khabar yang disampaikan nabi 'Isa a.s kepada kaumnya, di mana ia dapat menceritakan apa yang dimakan dan apa yang disimpan di rumah kaumnya.
- iii. *Mukhalifun Lil Qawanin al-Tabi'iyah*: Iaitu mukjizat nabi berupa sesuatu yang bertentangan dengan hukum alam, seperti yang dilakukan oleh orang-orang kafir untuk membakar nabi Ibrahim a.s yang tiba-tiba merasa kesejukan ditengah-tengah api yang panas membakar (Mohd Suhaidin Bin Siman, 2013).

Maksum Nabi

Sifat '*ismah* merupakan sifat yang paling penting bagi seorang nabi dan rasul yang diutuskan oleh Allah s.w.t. '*ismah* berasal daripada perkataan '*asama* ('*asama* – *yasūmu* - '*ismah*) yang beerti perlindungan, jagaan atau kawalan Allah s.w.t terhadap sekalian rasul daripada terjebak ke dalam perkara-perkara dosa dan maksiat dengan mendorong serta menolong mereka melakukan kebaikan secara berterusan. Walaupun terdapat beberapa takrifan di kalangan ahli-ahli bahasa tentang takrif '*ismah*, namun kesemuanya sepakat bahawa perkataan '*ismah* dari sudut bahasa hanya

mengandung maksud pemeliharaan, pengawasan, perlindungan dan seumpamanya (Wan Zailan Kamaruddin Bin Wan Ali, 1990).

Al-Imām al-Ghazali (1908), dalam kitabnya *Mīzan al-‘Amal* menjelaskan bahawa *‘ismah* adalah suatu kebaikan (*lutf*) yang disemadikan pada diri seseorang manusia (nabi) agar mereka berupaya menentukan kebaikan serta menjauhi keburukan sehingga kebaikan tersebut bertindak sebagai penghalang dalam diri seseorang yang tidak dapat dicapai oleh pancaindera. Sementara Syeikh al-Bayjuri (1964) pula berpendapat, *‘ismah* bermaksud pemeliharaan Allah s.w.t ke atas seseorang *mukallaf* dari dosa dan mustahil perbuatan tersebut boleh berlaku.

Darjat Maksum Nabi

Para ilmuan dan ulama Islam berbeza pandangan mengenai darjat atau peringkat *‘ismah* nabi. Ini kerana terdapat dalil yang menunjukkan nabi dan rasul juga ada terlibat dengan apa yang dikatakan sebagai perkara ‘salah’ atau ‘silap’. Maka, para ilmuan dan ulama telah membahaskan isu ini secara panjang lebar, disamping penjelasan terperinci mengenai setiap perlakuan atau peristiwa yang dikatakan ‘salah’ atau ‘silap’ itu. Namun penulis tidaklah berhajat untuk merungkai setiap satu di sini, cuma penulis akan memberi gambaran secara umum tentang darjat *‘ismah* nabi yang dibahaskan antara agamawan ini.

Dalam hal ini, seorang ulama Syiah, Syeikh al-Saduq ataupun dikenali dengan gelaran Ibn Babawayh menyatakan, walaupun nabi-nabi adalah orang yang maksum dari dosa besar dan dosa kecil, tetapi di sana mereka diharuskan bersifat dengan sifat ‘terlupa’, kerana Allah s.w.t boleh mewujudkan keadaan tersebut pada diri mereka yang bertujuan semata-mata untuk menunjukkan bahawa sifat-sifat mereka tidak berbeza dengan manusia yang lain (al-Razi, Fakr al-Din Abu ‘Abdillah Muhammad bin ‘Umar, 1935). Sementara Abu ‘Ali al-Jubbai, seorang pemimpin dari kumpulan Muktaizilah pula hanya mengakui dosa dan keingkaran yang berlaku dalam keadaan tidak disengajakan, atau tidak sedar, atau dengan alasan *takwil*.

Sementara menurut golongan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah*, mereka lebih suka mengambil sikap berkecuali, atau tidak berlebih-lebihan, supaya tidak dituduh mencela sifat nabi, dalam masa yang sama tidak pula dikatakan mengingkari sebahagian ayat al-Quran yang (ada) menceritakan tentang ‘kesilapan’ yang pernah dilakukan oleh nabi. Ini termasuk apa yang dijelaskan oleh imam al-Asya’ari, bahawa para nabi adalah maksum dari kedua-dua dosa besar dan dosa kecil, termasuklah *zallah*. Berbeza dengan sebahagian ulama dari *Mu’tazilah*, yang mengatakan maksumnya nabi hanya dalam dosa besar. Jelas *al-Asya’ari*, dosa-dosa yang dikatakan dilakukan oleh nabi itu berlaku sebelum Allah s.w.t mengutuskan mereka menjadi nabi dan rasul (Al-Bazdawi, Abu al-Yusr Muhammad bin Muhammad bin ‘Abdul Karim, 1963).

Secara kesimpulannya, bagi kita yang berfahaman *Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah* sudah tentulah berpegang dengan pendapat yang menyatakan nabi dan rasul maksum dari sebarang dosa, baik yang sengaja atau tidak disengajakan, baik dosa besar mahupun dosa kecil. Pandangan yang mengatakan bahawa nabi tidak maksum daripada dosa kecil tidak mempunyai sandaran yang kukuh. Ulama dikalangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah* sepakat mengatakan nabi-nabi terpelihara dari dosa kecil sebagaimana mereka terpelihara daripada dosa-dosa besar (Safiah binti Abd. Razak, 1998).

Hikmah Dan Tujuan Maksum

Kepentingan 'ismah para nabi dan rasul selaras dengan keperluan manusia kepada mereka sebagai pemberi petunjuk dan teladan di atas muka bumi, di samping menjadi bukti kebenaran Allah s.w.t. Oleh kerana manusia sifatnya lemah dan sering ternoda dengan dosa dan nafsu, maka mereka perlu bergantung pada manusia yang *maksum* untuk mengatur kehidupan mereka. Kemaksuman para nabi dan rasul Allah s.w.t telah dijamin dan dinyatakan sendiri oleh Allah s.w.t, berdasarkan penganugerahan petunjuk dan hidayah-Nya kepada mereka. Firman Allah s.w.t yang berbunyi:

وَرَفَعْنَاهُ مَكَانًا عَلِيًّا ﴿٥٧﴾ أُولَئِكَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ مِنْ ذُرِّيَةِ آدَمَ وَمِمَّنْ حَمَلْنَا مَعَ نُوحٍ وَمِنْ ذُرِّيَةِ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْرَائِيلَ وَمِمَّنْ هَدَيْنَا وَاجْتَبَيْنَا إِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ آيَاتُ الرَّحْمَنِ خَرُّوا سُجَّدًا
وَبُكِيًّا ﴿٥٨﴾

Maksudnya: “Dan Kami telah mengangkatnya ke tempat yang tinggi darjatnya. Mereka itulah sebahagian dari Nabi-nabi yang telah dikurniakan Allah s.w.t nikmat yang melimpah-limpah kepada mereka dari keturunan Nabi Adam, dan dari keturunan orang-orang yang Kami bawa (dalam bahtera) bersama-sama Nabi Nuh, dan dari keturunan Nabi Ibrahim, dan (dari keturunan) Israil- dan mereka itu adalah dari orang-orang yang Kami beri hidayah petunjuk dan Kami pilih. apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat (Allah s.w.t) *Ar-Rahman*, mereka segera sujud serta menangis”. (Maryam 19: 57-58)

Menurut Hassan Ayyub (1998), antara hikmah yang kita boleh lihat dari isu ini ialah, sekiranya para rasul tidak maksum, terdedah kepada dosa-dosa kecil, bagaimana kita harus mencontohi dan mematuhi mereka, bagaimana kita boleh meyakini dan beriman dengan perintah mereka. Dan sekiranya kita menuruti tindakan mereka (yang dikatakan dosa itu), sudah pastilah ianya terkeluar langsung dari ajaran dan syariat Islam, yang menegah umatnya mencontohi perkara maksiat dan dosa (Safiah Abd razak, 1998).

Demikian juga, seandainya perbuatan dan perkataan nabi dan rasul mengandungi dua kemungkinan betul atau salah, keadaan akan meletakkan manusia di tengah-tengah persimpangan. Menurut Syeikh al-Hilli, al-Hassan bin Yusuf (1958), seandainya keadaan seperti itu terjadi, ternyata perutusan para nabi dan rasul merupakan suatu perkara yang tidak mendatangkan sebarang manfaat dan faedah kepada manusia. Mereka tidak ubah seperti manusia biasa yang tidak mempunyai keistimewaan di sisi Allah s.w.t dan manusia.

Oleh yang demikian, pemahaman dan penerimaan bahawa setiap nabi dan rasul adalah manusia yang maksum dari dosa-dosa adalah wajar dan tepat untuk membolehkan ianya menjadi hujah kukuh bagi seluruh umat manusia, khususnya umat Islam dalam berkehidupan. Ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa kehadiran mereka adalah satu *role model* atau contoh ikutan yang sempurna yang sepatutnya diimpikan serta dilaksanakan oleh setiap manusia, serta sesuai untuk sepanjang zaman.

Penutup

Sudah ketetapan Ilahi, ciri-ciri seorang nabi yang dipilih untuk menjada utusan-Nya antaranya ialah, pemilihan mereka adalah dikalangan orang yang paling sempurna, yang paling berakhlak, yang paling hebat dan yang paling mulia pada zamannya. Antara kesempurnaan yang dimaksudkan disini ialah, sempurna dari aspek keinsanan, keilmuan, keperibadian, ketaqwaan, kesabaran, keberanian dan sebagainya. Maka sudah tentulah mereka adalah tergolong dikalangan umat manusia yang paling tinggi kedudukannya, manusia yang terbaik dan paling suci sehingga tempat mereka dijamin oleh Allah s.w.t di dalam Syurga yang paling tertinggi.

Keistimewaan para nabi ini bukan sahaja memberi kerahmatan kepada ahli keluarga, para sahabat dan manusia pada zaman mereka, bahkan diakui dan terbukti menyumbang rahmat yang tidak terhingga kepada seluruh umat manusia sehingga kebaikan dan jasa mereka, bukan sahaja 'dirasai' di alam dunia, malah hingga ke alam akhirat sebagaimana yang terakam dalam kitab suci al-Quran, hadis-hadis baginda Rasulullah s.a.w dan kitab sejarah. Maka untuk menjelaskan hakikat keistimewaan para kekasih Allah s.w.t ini, sewajarnya tajuk ini dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu keistimewaan keseluruhan nabi-nabi, dan keduanya keistimewaan khusus Nabi Muhammad s.a.w.

Sebagaimana hakikat yang telah sedia maklum, setiap nabi-nabi yang dipilih oleh Allah s.w.t adalah sama, iaitu dari segi darjat kemuliaan dan ketinggiannya, yang mana wajib kita beriman pada setiap dari kalangan mereka tanpa prejudis. Kehadiran mereka dilengkapi dengan pekej yang begitu lengkap, iaitu contoh terbaik kehidupan di dunia, serta tauladan yang baik untuk bekalan ke akhirat kelak. Allah s.w.t telah menyempurnakan kejadian insan mulia ini dengan kelebihan yang tidak wujud pada makhluk dan manusia lainnya.

Bibliografi

- 'Abd al-Baqi, Muhammad Fu'ad, al-Mu'jam al-Mufahras li al-Faz al-Quran al-Karim (Qaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah, 1364H), 314-319.
- Abu al-Fadhl Jamal al-Din Muhammad Ibn Mukram Ibn Manzur al-Afiqi, Lisan al-'Arab (Beirut: Tabaah Bayrut, 1968), 3:561.
- Abu al-Husayn al-Ghuyairi al-Nisyaburi al-Hajjaj, Sahih Muslim bi Syarh Imam Nawawi (Qaherah: Matbaah al-Misriyyah, t.t), 37.
- Al-Bajuri, Ibrahim, Tuhfat al-Murid 'ala Jawharah al-Tauhid (Qaherah: Matba'ah Muhammad s.a.w 'Ali Subeih, 1964), 37.
- Al-Bajuri, Ibrahim bin Muhammad, Tuhfah al-Muridi: Hasyiah fi Jawharah al-Tawhid (Qaherah: Dar al-Kutub al-Hadtih, t.t), 8.
- Al-Bazdawi, Abu al-Yusr Muhammad bin Muhammad bin 'Abdul Karim, Kitab Usul al-Din, Tahqiq Dr. Hans Peter Linss (al-Qaherah: Isa al-Babi al-Halabi, 1963), 172.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad, al-Munqidh min al-Dalal, cet. 4 (Qaherah: Maktabah al-Anjelin al-Misriyyah, 1964), 67.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad, Mizan al-'Amal (Mesir: Maktabah al-Jundi, 1908), 116.
- Al-Imam Abu Hamid al-Ghazali, Ihya' 'Ulumuddin (Qaherah: Muassasah al-Halabiy, 1987), 5:26.
- Al-Mawardi, Abu Hassan 'Ali bin Muhammad, A'lam al-Nubuwwah (Beirut, Darul al-Kitab al-

- ‘Alamiah, 1901), 14.
- Al-Razi, Fakhr al-Din Abu ‘Abdullah Muhammad bin ‘Umar, al-Tafsir al-Kabir (Mesir: al-Makatabah al-Bahiyah al-Misriyyah, 1935), 176.
- Al-Sabuni, Muhammad ‘Ali, al-Nubuwwah wa al-Anbiya’, cet. 2 (Kaherah: Dar al-Hadis, 1984), 256.
- Hassan Ayyub, al-Kawniyah al-Kubra, cet. 3, Kuwait: Maktabah al-Falah, h. 217
- Mohd Suhaidin Bin Siman, “Pengertian Nabi dan Rasul-Jenis Mukjizat”, laman sesawang scribd.com, dicapai pada 23 April 2013, <http://www.scribd.com/doc/19287312/3/JENIS-MUKJIZAT>.
- Muhammad ‘Ali al-Sabuni, al-Nubuwwah wa al-‘Anbiya’, cet. 2 (Qaherah: Dar al-Hadis, 1984), 11.
- Qadi Abu al-Fadhl ‘Iyad bin Musa, al-Syifa’ bi Tarif Huquq al-Mustafa (Beirut: Dar al-Fikr, 1988), 1:2-3.
- Safiah binti Abd. Razak, Konsep Kerasulan Menurut Agama Yahudi: Satu Kajian Khusus Dalam Bible Perjanjian Lama dan Pandangan Islam Terhadapnya (Disertasi Sarjana Akademi Pengajian Islam, Usuluddin, 1998), 157.
- Shaykh Ahmed Sirhindi, Maktubat Imam Rabbani (Turki: Maktabah Hakikah bi Syari’, 2002), surat no.33, 3:75-76.
- Syed Abu al-Hassan al-Nadwi, Konsep Kenabian, terj. Noorzila Jamaluddin dan Aliah Abdul Rahim (Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1990), 17.
- Syeikh al-Hilli, al-Hassan bin Yusuf bin Ali bin al-Muntahar (1958), al-Bab al-hadi ‘Asyar, terj. W.M Miller, London, h. 58.
- Umar Sulaiman al-Asyqar, al-Rasul wa al-Risalat, cet. 2 (Kuwait: Maktabah al-Falah, 1985), 18.
- Wan Zailan Kamaruddin Bin Wan Ali, “Konsep Al-Nubuwwah Dalam al-Qur’an” (Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1990), 4-6.
- Wan Zailan Kamaruddin, Siapa Itu Nabi-Nabi (Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd., 2004), 163.